


PELAN STRATEGIK
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

2011-2015
2011-2012





PELAN STRATEGIK
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

2011-2015

Isi Kandungan

Prakata	1
Perutusan YB Menteri Pengangkutan	3
Perutusan Ketua Setiausaha	5
Bahagian I - Pengenalan	7
Ringkasan Eksekutif	8
Sejarah Kementerian	10
Carta Organisasi	12
Objektif Kementerian	13
Fungsi Kementerian	14
Punca Kuasa	15
Piagam Pelanggan	19
Pihak Berkepentingan dan Pelanggan	20
Bahagian II – Hala Tuju Strategik	23
Visi, Misi, Moto	25
Nilai - Nilai Bersama	26
Teras - Teras Strategik	27
Pelan Tindakan	28
Bahagian III – Penutup	39
Penutup	40



**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA
PUTRAJAYA, MALAYSIA**



PRAKATA



YB Dato' Seri Kong Cho Ha
Menteri Pengangkutan Malaysia
Kementerian Pengangkutan Malaysia

Perutusan YB Menteri Pengangkutan

Pelancaran Pelan Transformasi Kerajaan dan Pelan Transformasi Ekonomi adalah merupakan satu lonjakan yang radikal ke arah pencapaian Visi 2020 untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi.

Kementerian Pengangkutan akan terus memainkan peranannya untuk memastikan kejayaan di dalam pelaksanaan kedua-dua pelan transformasi ini. Justeru itu, satu Pelan Strategik 2011-2015 bagi pembangunan sektor pengangkutan telah dikaji semula dan digubal untuk memenuhi aspirasi keperluan semasa sejajar dengan saranan Y.A.B Perdana Menteri "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan".

Saya yakin bahawa pelaksanaan Pelan Strategik 2011-2015 akan dapat membantu Kementerian Pengangkutan mencapai hasil yang disasarkan melalui beberapa strategi, program dan inisiatif yang telah dikenalpasti di dalam tempoh pelan ini. Pendekatan dalam melaksanakan strategi, program dan inisiatif yang telah dikenalpasti lebih menjurus kepada *outcome* yang akan dikecapi oleh semua *stakeholders* dan rakyat amnya.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi penghargaan saya kepada semua yang terlibat dalam menjayakan penerbitan dokumen Pelan Strategik 2011-2015 kementerian ini. Akhir kata, saya amat berharap pelaksanaan Pelan Strategik 2011-2015 ini mendapat kerjasama semua warga Kementerian ini serta agensi-agensi di bawahnya ke arah merealisasikan visi dan misi kementerian.

YB DATO' SERI KONG CHO HA



YBhg. Dato' Long See Wool
Ketua Setiausaha
Kementerian Pengangkutan Malaysia

Perutusan Ketua Setiausaha

Pelancaran Pelan Strategik Kementerian Pengangkutan 2011-2015 adalah tepat pada masanya ketika negara sedang melaksanakan Pelan Transformasi Kerajaan dan Pelan Transformasi Ekonomi.

Mengambil kira perubahan lanskap sosio-ekonomi dan cabaran yang sedang berlaku di dalam negara dan dunia global, kementerian telah mengkaji semula Pelan Strategik 2011-2015 untuk memastikan ianya sentiasa relevan dan memenuhi kehendak serta keperluan semasa.

Pelan Strategik 2011-2015 adalah berteraskan kepada enam strategi yang dijangka dapat menghasilkan *outcome* yang realistik dan berimpak tinggi dari segi pembangunan sektor pengangkutan negara. Pelaksanaan projek dan program dibawah pelan strategik ini akan memberi fokus ke arah pembangunan rangkaian *connectivity* yang bersepadu, peningkatan tahap keselamatan dan sekuriti yang berteknologi tinggi, pembangunan pelan strategik ICT dan sumber manusia dan juga meningkatkan pemeliharaan alam sekitar.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan kajian semula Pelan Strategik 2011-2015 kementerian ini. Adalah menjadi harapan saya agar Pelan Strategik 2011-2015 ini akan dapat memperbaiki dan mempertingkatkan tahap penyampaian perkhidmatan kementerian kepada semua *stakeholders* dan rakyat pada amnya.

DATO' LONG SEE WOOL



BAHAGIAN I :

PENGENALAN

RINGKASAN EKSEKUTIF



Pelan Strategik Kementerian Pengangkutan bagi tahun 2011 – 2015 merupakan hasil semakan dan penambahbaikan terhadap pelan strategik sedia ada yang dirangka bagi tempoh 2008 – 2015.

Bagi memenuhi tuntutan rakyat sejajar dengan perkembangan sosial dan ekonomi semasa negara, semakan dan penambahbaikan pelan strategik ini adalah penting untuk merevolusikan sistem pengangkutan negara ke arah menjadikannya sistem pengangkutan bersepadu yang bertaraf dunia. Selain itu, pelan strategik ini turut mengambil kira peranan Kementerian Pengangkutan sebagai kementerian peneraju bagi pelaksanaan inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Negara khususnya penambahbaikan dalam pengangkutan awam bandar yang merangkumi perkhidmatan bas dan rel, integrasi terminal serta rangkaian perkhidmatan pengangkutan.

Selain itu, pengemaskinian pelan strategik ini juga dapat dijadikan sebagai panduan kepada warga kerja kementerian bagi memastikan perancangan dan pembangunan prasarana dan sistem pengangkutan negara adalah seiring dengan perkembangan semasa selain memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada pelanggan dan pihak berkepentingan.

Dokumen ini menggariskan enam teras utama Pelan Strategik Kementerian Pengangkutan secara terperinci sebagai peletakan asas transformasi sistem pengangkutan negara bagi tempoh 2011 hingga 2015. Secara ringkasnya, hasil daripada kajian semula pelan strategik ini, terdapat enam teras strategik yang telah dirangka iaitu:

- i) Dasar Pengangkutan yang Holistik;
- ii) Pelan Infrastruktur yang Komprehensif dan Praktikal;
- iii) Piawaian Keselamatan, Sekuriti dan Alam Sekitar;
- iv) Sistem Teknologi, Komunikasi dan Maklumat yang Komprehensif;
- v) Modal Insan yang Unggul; dan
- vi) Tadbir Urus yang Baik.

Pelan strategik ini telah digubal dengan mengambil kira kepentingan semua pihak yang terlibat dalam sektor pengangkutan. Sehubungan itu, diharap semua warga Kementerian Pengangkutan serta jabatan-jabatan dan agensi-agensi di bawahnya dapat berganding bahu bagi menggembeleng tenaga untuk memacu pelaksanaan kesemua enam strategi yang telah digariskan dalam pelan tersebut bagi merealisasikan misi dan visi serta objektif utama kementerian. Pelaksanaan yang berjaya akan membantu dalam mempertingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kementerian yang mampu memberikan impak yang tinggi serta lebih diyakini di hati dan di mata rakyat.

SEJARAH KEMENTERIAN

1951

Pengenalan Sistem Ahli dalam pentadbiran Tanah Melayu telah membolehkan wakil rakyat atau dikenali sebagai Ahli dilantik untuk mengetuai urusan pentadbiran beberapa jabatan.

Hal ehwal pengangkutan jalan dan penerbangan awam telah diletakkan di bawah tanggungjawab Ahli bagi Tanah, Perlombongan dan Perhubungan.

1953

Keretapi, Laut, Penerbangan Awam dan Pengangkutan Jalan diletak **di bawah tanggungjawab Ahli** bagi Pengangkutan.

1956

Kementerian Pengangkutan **ditubuhkan**.

1972

Nama Kementerian Pengangkutan telah ditukar kepada **Kementerian Perhubungan.**

1974

Nama kementerian telah ditukar dan dikenali sebagai **Kementerian Pengangkutan dan Kerja Raya.**

1976

Walau bagaimanapun, nama Kementerian Pengangkutan dan Kerja Raya **telah ditukar semula kepada Kementerian Perhubungan.**

1978-KINI

Nama kementerian ditukar semula kepada **Kementerian Pengangkutan** dan nama tersebut kekal **sehingga hari ini.**





CARTA ORGANISASI MOT

Kementerian Pengangkutan Malaysia



OBJEKTIF KEMENTERIAN

OBJEKTIF



1. Menyediakan rangkaian prasarana pengangkutan bersepadu.

2. Menyediakan sistem pengangkutan berteknologi tinggi, moden dan cekap.

3. Menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam dan barangan yang berhubung tanpa sempadan (*seamless*), cemerlang dan selamat.

4. Menyediakan persekitaran industri pengangkutan yang berdaya saing.

5. Memantapkan penguatkuasaan dan pengawalseliaan yang berkesan dan berintegriti.

6. Memastikan bahawa alam sekitar tidak dicemari oleh sektor pengangkutan darat, udara dan maritim.

FUNGSI KEMENTERIAN

1. Merancang, menggubal dan melaksanakan dasar pengangkutan bagi maritim, pelabuhan dan penerbangan awam.
2. Melaksanakan projek infrastruktur rel, maritim, pelabuhan dan penerbangan awam.
3. Menyelaras integrasi antara mod pengangkutan untuk mencapai *seamless travel*.
4. Menyediakan perkhidmatan pelesenan:
 - a) Lesen/permit operasi *service provider* dan pemegang konsesi (kecuali kenderaan perdagangan jalan dan perkhidmatan rel).
 - b) Lesen individu - pemandu kenderaan persendirian/ perdagangan, juruterbang, jurumudi, malim dan lain-lain.
 - c) Lesen perkapalan domestik.
5. Pendaftaran semua mod kenderaan.
6. Menentukan *pricing policy* (kecuali kenderaan perdagangan jalan dan perkhidmatan rel).
7. Mengawal selia dasar dan operasi pemegang konsesi/ syarikat kerajaan.
8. Menentu/ mengawal selia piawaian perkhidmatan, keselamatan (*service and safety standards*) dan perundangan.
9. Melaksanakan program kerjasama serantau dan antarabangsa dalam bidang pengangkutan.



SEKTOR PENGANGKUTAN DARAT:


Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Pindaan Tahun 2010)
Akta Keretapi 1991 (Pindaan Tahun 2010)
Akta Keretapi (Syarikat Pengganti) 1991 (Akta 464)

SEKTOR PENGANGKUTAN UDARA:

Akta Penerbangan Awam 1969 (Akta 3)
Akta Pengangkutan Melalui Udara 1974 (Akta 148)
Akta Kesalahan – Kesalahan Penerbangan 1984 (Akta 307)
Akta Lapangan Terbang dan Perkhidmatan Penerbangan (Syarikat Pengendali) 1991 (Akta 467)
Akta Kepentingan Antarabangsa Dalam Kelengkapan Bergerak (Pesawat Udara) 2006 (Akta 659)
Peraturan – Peraturan Penerbangan Awam 1996

SEKTOR PENGANGKUTAN MARITIM:

Akta Pengangkutan Kargo Melalui Laut 1950 (Akta 527)
Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 (Ord.70/1952)
Akta Dius Api Persekutuan 1953 (Akta 243)
Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955 (Akta 140)
Akta Pihak Berkuasa Pelabuhan 1963 (Akta 488)
Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981 (Akta 243)
Akta (Penswastaaan) Pelabuhan 1990 (Akta 422)
Akta Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2003 (Akta 630)
Ordinan Perkapalan Saudagar (Sabah) 1960 (Ord.11/1960)
Ordinan Perkapalan Saudagar (Sarawak) 1960 (Ord.2/1960)
Federation Port Rules 1953



KEWANGAN:

1. Akta Acara Kewangan 1957
2. Akta Kontrak – Kontrak Kerajaan 1949 (Akta 120)
3. Akta Pembangunan
4. Akta Penerbangan Awam (Pindaan) 1975
5. Akta Lembaga Pelabuhan
6. Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955
7. Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981
8. Arahan Perbendaharaan Bil.1/2010: Pindaan ke atas Arahan Perbendaharaan 317(a)
9. Pekeliling Perbendaharaan Bil.1/2011: Anggaran Perbelanjaan 2011
10. Pekeliling Perbendaharaan Bil.2/2011: Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Perbelanjaan Tahun 2012 dan 2013
11. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3/2011 – Peraturan Mengenai Perbelanjaan Untuk Meraikan Pegawai Perkhidmatan Awam yang Bersara
12. Pekeliling Perbendaharaan Bil.4/2011 – Peraturan Mengenai Perbelanjaan Sambutan Hari Inovasi
13. Pekeliling Perbendaharaan Bil.5/2011 – Syarat dan Tatacara Skim Pinjaman Perumahan Perbendaharaan Malaysia
14. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.1/2011 – Penyertaan Anak-Anak Syarikat Badan Berkanun, Koperasi-Koperasi, Tabung Kakitangan Kerajaan dan Pihak Berkuasa Tempatan Dalam Perolehan Badan Induk Berkenaan
15. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.2/2011 – Peraturan Perolehan Perkhidmatan Perunding Bagi Projek Atau Kajian Kerajaan – dibaca bersekali dengan Manual Perolehan Perkhidmatan Perunding Edisi 2011
16. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.3/2011 – Pindaan kepada Perenggan 4.1.1.4v Pekeliling Perbendaharaan Bil.13/2008 – Pengurusan Kehilangan dan Hapus Kira Wang Awam
17. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.4/2011 – Arahan Kepada Semua Agensi Kerajaan Untuk Menggunapakai Sistem ePerunding Bagi Semua Urusan Pelantikan Perkhidmatan Perunding Untuk Projek Pembangunan Fizikal dan Kajian Kerajaan mulai 6 Jun 2011
18. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.5/2011 – Pindaan Ke Atas Pekeliling Perbendaharaan Bil.5/2004

PEMBANGUNAN:

1. Arahan No.1, 2004 Majlis Tindakan Negara
2. Arahan Perbendaharaan
3. Pekeliling-Pekeliling Perbendaharaan
4. Surat-Surat Pekeliling Perbendaharaan
5. Pekeliling KPTG Persekutuan
6. Garis Panduan UPE, JPM (Pelaksanaan Projek Pembangunan)
7. Kanun Tanah Negara
8. Akta Pengambilan Tanah 1990

SUMBER MANUSIA:


1. Pekeliling Perkhidmatan (JPA)
2. Surat Pekeliling Perkhidmatan (JPA)
3. Surat Edaran (JPA)
4. Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam (MAMPU)
5. Surat Edaran (MAMPU)
6. Arahan Perbendaharaan 2008 (MOF)
7. Pekeliling Perbendaharaan (MOF)
8. Surat Pekeliling Perbendaharaan (MOF)
9. Surat Arahan (MOF)
10. Peraturan – Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993
11. Peraturan – Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005
12. Arahan Keselamatan
13. Akta Pencen 1980 (Akta 227)

PIAGAM PELANGGAN

Kami berjanji akan:

- menggubal dasar – dasar berkaitan sektor darat, udara dan maritim seperti berikut:
 - a) yang melibatkan pindaan kepada akta serta kelulusan Parlimen dalam tempoh 12 bulan; dan
 - b) yang tidak melibatkan pindaan kepada akta serta kelulusan Parlimen dalam tempoh 6 bulan.
- memastikan projek – projek pembangunan dimulakan dalam tempoh satu (1) bulan selepas surat setuju terima dikeluarkan.
- memproses dan meluluskan permit dan lesen bagi permohonan yang lengkap dalam tempoh berikut:
 - i. Lesen ASL dan permit – permit berkaitan udara dalam tempoh satu (1) bulan.
 - ii. Lesen Perkapalan Dalam Negeri mengikut kategori/ kriteria antara 1-4 hari dan mengeluarkan lesen dalam tempoh satu (1) hari bekerja dari tarikh bayaran lesen diterima.
- mengeluarkan maklumat perangkaan berkaitan pengangkutan pada setiap suku tahun.
- memastikan aduan awam yang diterima diselaras dan diberi maklum balas dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.

PIHAK BERKEPENTINGAN DAN PELANGGAN



PIHAK BERKEPENTINGAN DAN PELANGGAN

JABATAN - JABATAN

- Jabatan Pengangkutan Jalan
- Jabatan Penerbangan Awam
- Jabatan Laut Malaysia
- Jabatan Keselamatan Jalan Raya

BADAN - BADAN BERKANUN

- Perbadanan Aset Keretapi
- Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya
- Institut Maritim Malaysia
- Lembaga Pelabuhan Klang
- Lembaga Pelabuhan Johor
- Lembaga Pelabuhan Kuantan/Kemaman
- Lembaga Pelabuhan Bintulu
- Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang

SYARIKAT - SYARIKAT PENGENDALI

- Keretapi Tanah Melayu Berhad
- Syarikat Prasarana Negara Berhad
- Express Rail Link Sdn. Bhd.
- PUSPAKOM Sdn. Bhd.
- Malaysia Airports Holdings Berhad
- Malaysia Airlines/ Penerbangan Malaysia
- Senai Airport Terminal Services Sdn.Bhd.
- Northport (Malaysia) Berhad
- Westport (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn. Bhd.
- Kuantan Port Consortium Sdn. Bhd.
- Konsortium Pelabuhan Kemaman Sdn.Bhd.
- Penang Port Sendirian Sdn. Bhd.
- Bintulu Port Sdn. Bhd.
- Johor Port Berhad
- Syarikat Perkhidmatan Pelabuhan Gabungan Sdn. Bhd.



BAHAGIAN II:

HALA TUJU STRATEGIK



VISI MISI MOTO

Kementerian Pengangkutan Malaysia

VISI

MENJADI PENERAJU SISTEM PENGANGKUTAN YANG BERTARAF DUNIA.

MISI

MEMASTIKAN SISTEM PENGANGKUTAN PELBAGAI MOD YANG CEKAP,
BERSEPADU, SELAMAT, MAMPAN DAN MESRA PENGGUNA.

MOTO

PENGANGKUTAN MAMPAN NADI TRANSFORMASI NEGARA.

1. **INTEGRITI**
MELAKSANAKAN AMANAH DAN KUASA YANG DIPERTANGGJAWABKAN DEMI KEPENTINGAN AWAM DAN BUKAN UNTUK KEPENTINGAN DIRI.
2. **UTAMAKAN KESELAMATAN**
MENITIKBERATKAN ASPEK KESELAMATAN DALAM MERANGKA DASAR - DASAR YANG BERKAITAN DENGAN MOD PENGANGKUTAN.
3. **KERJA BERPASUKAN**
SENTIASA MENGAMALKAN RANGKAIAN KERJA YANG CEMERLANG DAN SALING BANTU MEMBANTU SEMASA MELAKSANAKAN TUGASAN YANG DIBERI.
4. **KECEMERLANGAN**
SUATU TAHAP PENCAPAIAN YANG UNGGUL, TERBAIK DAN TERTINGGI DALAM SEMUA PERBANDINGAN.
5. **RAKYAT DIDAHULUKAN**
MEMASTIKAN PELANGGAN KEMENTERIAN DIBERI LAYANAN DAN MAKLUM BALAS SEPERTI YANG DIGARISKAN DALAM PIAGAM PELANGGAN.
6. **INOVATIF**
MELAKSANAKAN PENAMBAHBAIKAN SERTA MENJALANKAN SETIAP TUGASAN DAN TANGGUNGJAWAB HARIAN SECARA KREATIF.
7. **SENTIASA RELEVAN**
MEMASTIKAN DASAR – DASAR KEMENTERIAN SENTIASA MENGIKUT KEPERLUAN, PERUBAHAN DAN KEHENDAK SEMASA.
8. **PROAKTIF DAN RESPONSIF**
BERFIKIR DAN MENGAMBIL TINDAKAN SEBELUM SEBARANG ISU ATAU PERMASALAHAN WUJUD.



TERAS - TERAS STRATEGIK



TERAS 1: DASAR PENGANGKUTAN YANG HOLISTIK
STRATEGI: PENYEDIAAN DASAR PENGANGKUTAN NEGARA



TERAS 2: PELAN INFRASTRUKTUR YANG KOMPREHENSIF DAN PRAKTIKAL
STRATEGI (I): PENYEDIAAN PELAN INFRASTRUKTUR
STRATEGI (II): PENGGUNAAN TEKNOLOGI TERKINI



TERAS 3: PIAWAIAN KESELAMATAN, SEKURITI DAN ALAM SEKITAR
STRATEGI: PEMATUHAN PIAWAIAN KESELAMATAN, SEKURITI DAN ALAM SEKITAR



TERAS 4: SISTEM TEKNOLOGI, KOMUNIKASI DAN MAKLUMAT YANG KOMPREHENSIF
STRATEGI: PENYEDIAAN PELAN STRATEGIK TEKNOLOGI MAKLUMAT



TERAS 5: MODAL INSAN YANG UNGGUL
STRATEGI (I): MENGEMASKINI PELAN STRATEGIK PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
STRATEGI (II): TENAGA PAKAR YANG MENCUKUPI



TERAS 6: TADBIR URUS YANG BAIK
STRATEGI (I): PEMBUDAYAAN NILAI - NILAI ORGANISASI
STRATEGI (II): MENGEMASKINI FAIL MEJA DAN MANUAL PROSEDUR KERJA

TERAS 1

Dasar Pengangkutan Yang Holistik

PELAN TINDAKAN

STRATEGI: Penyediaan Dasar Pengangkutan Negara

PROGRAM	OBJEKTIF/SASARAN	PETUNJUK PRESTASI	TEMPOH MASA	PELAKSANA
1) Konsultasi dengan stakeholders.	Mendapat input.	Laporan konsultasi.	Dis 2011 – Feb 2012	SUB PP
2) Merangka Dasar Pengangkutan Negara.	Dasar yang terkini.	Draf awal Dasar Pengangkutan Negara.	Mac – Apr 2012	Semua SUB Sektoral
3) Penyediaan kertas Jemaah Menteri.	Mendapat persetujuan dasar.	Keputusan Jemaah Menteri.	Mei – Jul 2012	SUB PP
4) Penerbitan dokumen Dasar Pengangkutan Negara.	Hebahan umum.	Pelancaran Dasar Pengangkutan Negara.	Ogos - Sept 2012	SUB PP

TERAS 2

Pelan Infrastruktur Yang Komprehensif Dan Praktikal

STRATEGI (I): Penyediaan Pelan Infrastruktur

PROGRAM	OBJEKTIF/SASARAN	PETUNJUK PRESTASI	TEMPOH MASA	PELAKSANA
1) Konsultasi dengan stakeholders.	Mendapatkan input.	Laporan konsultasi.	Jan – Feb 2012	Semua SUB Sektor dan SUB PP
2) Merangka dan menyediakan pelan infrastruktur.	Menghasilkan pelan induk.	Draf pelan induk.	Mac – Mei 2012	Semua SUB Sektor dan SUB PP
3) Penyediaan kertas dasar.	Mendapat persetujuan dasar.	Keputusan pihak pengurusan atasan kementerian.	Jun – Jul 2012	SUB PP

TERAS 2

Pelan Infrastruktur Yang Komprehensif Dan Praktikal

STRATEGI (II): Penggunaan Teknologi Terkini

PROGRAM	OBJEKTIF/SASARAN	PETUNJUK PRESTASI	TEMPOH MASA	PELAKSANA
1) Sistem penguatkuasaan lalulintas secara automatik.	Meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan lalulintas.	Sistem beroperasi.	Fasa Pertama: Mac - Sept 2012 (pilot) Fasa Kedua: Sept 2012 - Sept 2013 (rollout) Fasa Ketiga: Sept 2013 - Sept 2017 (Service Period)	SUB D
2) Menaiktaraf dan meningkatkan: i) kawalan trafik udara di KLIA 2; & ii) sistem komunikasi pandu arah dan pengurusan lalulintas udara.	Meningkatkan keupayaan: i) kawalan trafik udara; & ii) sistem pengurusan trafik udara.	i) Pembinaan menara kawalan trafik udara di KLIA 2 disiapkan; & ii) Sistem beroperasi.	i) Sept 2011 - Sept 2012; & ii) Jan 2012 – Dis 2016	i) SUB P; & ii) SUB P
3) Menaiktaraf dan meningkatkan: i) projek landasan berkembar elektrik iaitu : a) Ipoh - Padang Besar; &	Meningkatkan tahap perkhidmatan.	i) Penyiapan landasan; &	a) Jan 2011 - Nov 2014; &	i) SUB P; &

TERAS 2

Pelan Infrastruktur Yang Komprehensif Dan Praktikal

STRATEGI (II): Penggunaan Teknologi Terkini

PROGRAM	OBJEKTIF/SASARAN	PETUNJUK PRESTASI	TEMPOH MASA	PELAKSANA
b) Seremban - Gemas. ii) perkhidmatan tren elektrik.	Meningkatkan tahap perkhidmatan.	ii) Perolehan: a) 38 set EMU; & b) 8 buah ETS.	b) Jan 2011 - Jul 2013 a) 2012; & b) 2011 - 2015	ii) KP NKRA
4) Penambahbaikan Sistem eDSL (Domestic Shipping License).	Meningkatkan tahap perkhidmatan di mana pemohon boleh mencetak sendiri Lesen Perkapalan Dalam Negeri.	Sistem beroperasi.	Mei 2012 - Mei 2013	SUB M

TERAS 3

Piawaian Keselamatan, Sekuriti Dan Alam Sekitar

STRATEGI: Pematuhan Piawaian Keselamatan, Sekuriti Dan Alam Sekitar

PROGRAM	OBJEKTIF/SASARAN	PETUNJUK PRESTASI	TEMPOH MASA	PELAKSANA
1) Meratifikasikan konvensyen antarabangsa dan perjanjian multilateral/ bilateral.	Menerima pakai konvensyen dan perjanjian.	Maritim: 5 Konvensyen; 1 Bilateral. Udara: 4 Konvensyen; 2 Multilateral; 14 Bilateral. Darat: 4 Multilateral; 1 MoU.	2011 – 2015	Semua SUB Sektor dan PUU
2) Menubuhkan badan bebas siasatan kemalangan udara.	Siasatan bebas.	Penubuhan badan bebas.	Jun 2011 – Jul 2012	SUB U
3) Kajian semula kawasan Zon Larangan Terbang di Sabah dan Sarawak.	Keselamatan penerbangan.	Zon Larangan Terbang baru dikuatkuasakan.	Mei 2011	SUB U
4) Pelaksanaan dasar penggunaan teknologi hijau dalam sektor pengangkutan.	Pemuliharaan alam sekitar.	Penghasilan satu <i>Roadmap</i> Teknologi Hijau dalam sektor pengangkutan.	Dis 2012	SUB PP
5) Penggubalan/ pindaan undang – undang dan peraturan berkaitan dengan keselamatan dan sekuriti pengangkutan serta pemuliharaan alam sekitar.	Peningkatan aspek keselamatan, sekuriti dan alam sekitar.	1 undang – undang/ peraturan setiap tahun bagi setiap sektor.	2011 – 2015	Semua SUB Sektor dan PUU

TERAS 4

Sistem Teknologi, Komunikasi Dan Maklumat Yang Komprehensif

STRATEGI: Penyediaan Pelan Strategik Teknologi Maklumat

PROGRAM	OBJEKTIF/SASARAN	PETUNJUK PRESTASI	TEMPOH MASA	PELAKSANA
Membangunkan Pelan Strategik Teknologi Maklumat Kementerian Pengangkutan (PSTM MOT) 2011 – 2015.	Supaya pelaksanaan projek – projek ICT lebih teratur.	Dokumen PSTM MOT yang lengkap.	Jan – Jun 2011	SUB PM

TERAS 5

Modal Insan Yang Unggul

STRATEGI (I): Mengemaskini Pelan Strategik Pengurusan Sumber Manusia

PROGRAM	OBJEKTIF/SASARAN	PETUNJUK PRESTASI	TEMPOH MASA	PELAKSANA
Mengadakan bengkel pengemaskinian Pelan Strategik Pengurusan Sumber Manusia (PSPSM).	Pengurusan sumber manusia lebih relevan dan teratur.	Dokumen PSPSM yang lengkap.	Apr – Dis 2011	SUB PSM

TERAS 5

Modal Insan Yang Unggul

STRATEGI (II): Tenaga Pakar Yang Mencukupi

PROGRAM	OBJEKTIF/SASARAN	PETUNJUK PRESTASI	TEMPOH MASA	PELAKSANA
Mewujudkan program usahasama dengan institusi latihan.	Meningkatkan kepakaran.	Satu usahasama setiap tahun.	2011 – 2015	SUB PSM dan SUBs Sektoral

TERAS 6

Tadbir Urus Yang Baik

STRATEGI (I): Pembudayaan Nilai – Nilai Organisasi

PROGRAM	OBJEKTIF/SASARAN	PETUNJUK PRESTASI	TEMPOH MASA	PELAKSANA
1) Membudayakan akauntabiliti.	Memastikan pematuhan kepada nilai – nilai integriti.	Pelaksanaan Pelan Integriti Organisasi (PIO).	2011 – 2015	SUB PSM
2) Membudayakan sistem kawalan dalaman.	Memastikan pematuhan kepada peraturan semasa yang berkuatkuasa.	Pelaksanaan arahan daripada agensi – agensi pusat iaitu JPM (EPU, ICU, MAMPU & JPA); dan MOF.	2011 - 2015	SUB PSM, SUB PK dan SUB P

TERAS 6

Tadbir Urus Yang Baik

STRATEGI (II): Memantapkan Tadbir Urus Kementerian

PROGRAM	OBJEKTIF/SASARAN	PETUNJUK PRESTASI	TEMPOH MASA	PELAKSANA
1) Memantapkan Fail Meja dan Manual Prosedur Kerja.	Memantapkan Fail Meja dan Manual Prosedur Kerja.	Pengemaskinian dibuat sekali setahun.	2011 - 2015	SUB PK, SUB PP dan SUB PSM
2) Membangunkan Pelan Pengurusan Risiko Kementerian.	Mengenalpasti risiko dan mengurangkan impak daripada risiko yang dihadapi.	Dokumen Pelan Pengurusan Risiko Kementerian.	2011 – 2012	SUB PK



BAHAGIAN III:

PENUTUP

PENUTUP

Penghasilan buku pelan strategik kementerian ini amat dititikberatkan untuk membantu kementerian dalam merealisasikan visi dan misinya dalam mengharungi era perubahan dan perkembangan ekonomi yang pesat sama ada di peringkat domestik atau antarabangsa. Sehubungan itu, kementerian perlu memastikan rancangan – rancangan pembangunan sektor pengangkutan negara bergerak seiring dengan arus perubahan global tersebut melalui pengurusan sumber kewangan yang cekap bagi melaksanakan pelbagai projek pembangunan infrastruktur pengangkutan untuk mempertingkatkan daya saing negara. Dengan adanya pelan tindakan yang jelas, kementerian akan dapat melaksanakan program – program tersebut mengikut perancangan yang telah ditetapkan.





Kementerian Pengangkutan Malaysia
Blok D5, Kompleks D, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62616 Putrajaya, MALAYSIA

No.Tel.: 03-8886 6000
No. Faks: 03-8889 1569
Website: www.mot.gov.my